

Headline	UniKL rampas takhta pendahulu liga		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	60
ArticleSize	209 cm ²	Journalist	MUHAMMAD
PR Value	RM 16,334		



UniKL rampas takhta pendahulu liga

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY
BADLISHAH

SKUAD Universiti Kuala Lumpur (UniKL) muncul pendahulu baharu Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHL) selepas menang tipis 1-0 ke atas Tenaga Nasional Berhad (TNB) semalam.

Begitupun, pengendali UniKL, Arul Selvaraj kecewa dengan kegagalan anak-anak buahnya 'membunuh' perlawanan tersebut sewaktu suku pertama lagi pada aksi yang berlangsung di Stadium Hoki Lembah Pantai, Kuala Lumpur itu.

Menurut Arul, skuad bimbingannya sepatutnya menang dengan keputusan 3-0 atau 4-0 jika berjaya memanfaatkan peluang-peluang terhidang sepanjang perlawanan tersebut.

"Kami memiliki dua peluang keemasan dengan kedua-duanya dalam situasi satu lawan satu pada suku masa pertama dan kami langsung tidak diberikan pukulan sudut penalti pada perlawanan ini.

"Bagaimanapun, saya

gembira dengan komitmen para pemain, sekali gus membolehkan kami meraih tiga mata penuh," kata Arul selepas tamat perlawanan tersebut.

Gol tunggal UniKL dija-ringkan oleh Faridzul Afiq Mohd. menerusi gerakan padang pada minit ke-49.

Mengulas lanjut, Arul menyifatkan kapten, Muhammad Marhan Mohd. Jalil sebagai kunci kemenangan UniKL selepas menjalankan tugas dengan baik sepanjang perlawanan tersebut.

"Semua orang tahu Marhan memainkan peranan penting dalam perlawanan ini. Cara dia menerima bola, mengatur serangan adalah kunci kejayaan kami.

"Selain itu, semangat dan kemahuan tinggi mahu menang dipamerkan setiap pemain juga menjadi faktor utama terhadap kejayaan ini," jelasnya.

Selepas ini, UniKL akan bertemu 'adik' TNB iaitu TNB Thunderbolts pada aksi ketiga liga di Stadium Hoki Lembah Pantai, Rabu nanti.

